

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 1408 HIJRAH/1988 MASIHI

TEMPAT: ANGKASAPURI

TARIKH: 17 MAY 1988

MASA:

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Allahu Akbar;

Allahu Akbar;

Allahu Akbar;

Walillahilhamd.

Syukur alhamdulillah sekali lagi kita umat Islam telah dilanjutkan usia dan telah berjaya menunaikan ibadat puasa selama sebulan. Bulan Ramadan baru kita lalui dan kita akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pula. Hari Raya adalah hari kemenangan -- kemenangan melawan nafsu dan dugaan. Hari Raya juga adalah hari untuk kita bergembira. Walau bagaimanapun, hari kebesaran ini harus kita sambut dengan kesyukuran, takwa dan ibadat, iaitu berlandaskan lunas-lunas Islam.

2. Kita patut bersyukur kerana kita dapat merayakan Aidilfitri dalam keadaan di mana ekonomi negara sudah pulih sedikit. Di samping itu, harga bahan-bahan mentah kita telah bertambah baik. Buat kali pertama dalam satu dekad atau lebih, pekebun getah dapat menikmati hasil jualan yang lebih tinggi. Sebenarnya, harga getah amat tinggi dan ramai yang dapat bergantung dan menumpang rezeki kerana industri yang berasas kepada getah telah berkembang dengan pesat dan memberi peluang-peluang pekerjaan kepada ramai pekerja kita selain daripada keuntungan kepada para pelabur dan para pengusaha.

3. Di samping itu, harga barangan lain keluaran Malaysia juga berada di paras yang tinggi dan baik. Dengan bertambahnya pendapatan pekebun dan pekerja, jualan barangan di pasar dan pusat membeli-belah juga meningkat yang mana bukan sahaja memberi keuntungan kepada peniaga dan pekedai tetapi sekali lagi menambah peluang pekerjaan. Umat Islam pada tahun ini akan lebih meriah merayakan Hari Raya Puasa. Alhamdulillah.

4. Pelaburan yang besar dalam perusahaan-perusahaan baru dan juga pembesaran perusahaan yang sedia ada, telah mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan bagi ramai yang dahulunya menganggur. Latihan dan bantuan daripada Kerajaan telah menolong ramai dalam bidang perniagaan kecil. Sebagai contoh, pasaran untuk hasil kerja tangan meningkat dan sekarang ini masalahnya bukanlah lagi pasaran tetapi

pengeluaran barangan dengan cukup dan bermutu.

5. Ramai yang mendapat nikmat daripada perkembangan ekonomi yang bermula dari penghujung tahun 1987 sehingga sekarang. Nikmat yang kita rasai ini hendaklah menyedarkan kita akan hasil kesabaran dan penjimatan yang telah kita lakukan semasa kemelesetan ekonomi menimpa kita. Jika kita hanya berputus asa dan menyalahkan pihak lain, mustahil kita akan dapat memulihkan keadaan. Memang benar, pemulihan ekonomi kita bergantung banyak kepada permintaan untuk barangan yang kita keluarkan. Tetapi bukan semua negara di dunia telah berjaya memulihkan ekonomi mereka. Banyak yang masih mengalami kerumitan ekonomi.

6. Kita telah dapat memulihkan ekonomi negara kita oleh kerana negara kita stabil. Kestabilan ini tidak berlaku dengan sendirinya. Dalam keadaan di mana negara didiami oleh berbagai kaum, ketidakstabilan lebih mudah wujud daripada kestabilan itu sendiri. Di merata negara di dunia, di mana penduduk-penduduknya terdiri daripada berbagai kaum atau penganut berbagai agama, rusuhan kerap berlaku.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Sepertimana yang telah saya sebutkan tadi Hari Raya bukanlah semata-mata untuk bersuka ria. Hari Raya juga adalah untuk merapatkan lagi perhubungan kekeluargaan dan persahabatan. Masyarakat tidak akan menjadi bahagia jika perhubungan keluarga dan sahabat ini tidak wujud. Amalan inilah yang membina semangat, perasaan mesra dan kasih sayang yang menjadikan kita anggota yang bertanggungjawab terhadap masyarakat. Tanpa perhubungan yang kuat, tanpa kemesraan dan tanpa tanggungjawab, masyarakat akan retak dan pecah dan huru-hara akan wujud. Tidak ada Hari Raya yang meriah bagi negara yang berada dalam keadaan huru-hara.

8. Di Malaysia, kita boleh berbangga dengan satu lagi amalan yang baik yang kita amalkan, iaitu amalan mengadakan rumah terbuka. Dengan penduduk negara ini terdiri daripada berbagai kaum, rumah terbuka membolehkan kita menjalinkan perhubungan yang rapat sesama kita. Penganut-penganut agama lain dapat melawat rakan-rakan Islam mereka semasa rumah terbuka. Dengan ini, mereka tidak lagi menjadi asing kepada kita orang-orang Islam, dan kita juga tidak akan menjadi asing kepada mereka. Amalan rumah terbuka ini sudah berkembang kepada kaum-kaum lain dan dengan mereka juga mengadakan rumah terbuka, maka akan lebih baiklah perhubungan antara kaum di negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Pada penghujung tahun 1987, terdapat keadaan ketegangan antara kaum yang serius yang mungkin boleh mencetuskan peristiwa seperti yang berlaku pada tahun 1969. Sebagai manusia kita memang mudah lupa dan mungkin ramai daripada kita sudah lupa akan keadaan ketegangan kaum pada bulan Oktober 1987. Pada waktu itu ramai ibu bapa takut hendak

menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Apabila seorang askar melepaskan tembakan di Kuala Lumpur, seluruh Kuala Lumpur menjadi lengang dengan serta merta kerana takut rusuhan kaum sudah bermula. Ramai yang membeli makanan-makanan dalam tin dengan banyaknya kerana takut jika rusuhan berlaku mungkin tidak ada makanan. Ramai pula yang meninggalkan Kuala Lumpur untuk 'menyelamatkan' diri.

10. Oleh kerana ketakutan tersebut, Kerajaan telah mengambil tindakan tegas untuk mengelakkan daripada tercetusnya rusuhan. Rapat raksaksa anjuran UMNO telah dibatalkan dan beberapa orang telah ditangkap kerana mengeksploitasikan isu-isu sensitif yang menyebabkan ketegangan antara kaum yang serius itu. Yang ditangkap bukan sahaja terdiri daripada anggota-anggota parti pembangkang tetapi juga daripada parti-parti Kerajaan. Beberapa buah akhbar yang menghasut, diharamkan penerbitannya.

11. Dengan tindakan tegas ini, keadaan menjadi tenang dengan serta-merta. Ketenangan ini telah berterusan sehingga negara kita menjadi stabil semula dan pelabur-pelabur asing berkeyakinan akan kebijaksanaan melabur di Malaysia. Ekonomi negara pula mula pulih dan rakyat dapat menyambut Hari Raya dengan meriah dan selamat.

12. Kita harus bersyukur kerana kita mampu mengambil tindakan untuk menyelamatkan negara kita ini. Kita tidak harus lupa akan betapa nyarisnya kita dilanda rusuhan kaum yang sudah tentu akan menjejaskan pemulihan ekonomi negara kita. Janganlah kita mengecam dengan sewenang-wenangnya tindakan yang telah menyelamatkan kita.

13. Iklim ketakutan atau 'climate of fear' jika terdapat pun di negara ini, adalah pada masa ketegangan kaum pada bulan Oktober tahun lalu. Iklim ketakutan sudah tidak ada lagi sekarang ini, melainkan bagi mereka yang ingin menghasut ke arah perkauman yang ekstrim. Adalah lebih baik mereka berasa takut sedikit supaya mereka tidak berani menghasut rakyat ke arah pertelingkahan kaum yang akan mengancam keselamatan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Dengan pemulihan kestabilan negara, pelaburan asing telah meningkat sekali ganda berbanding dengan tahun 1987. Peluang pekerjaan juga telah bertambah termasuk untuk mereka yang berpelajaran tinggi.

15. Untuk melanjutkan iklim pelaburan yang baik ini, dua perkara adalah penting. Yang pertama, pekerja kita hendaklah tidak terlalu memilih kerja. Walaupun kita dilatih dalam bidang yang lain daripada bidang yang terbuka kepada kita, kita harus sanggup menerima peluang yang terbuka itu. Kita harus sanggup berlatih semula dalam jurusan yang baru itu dan bertekun sehingga kebolehan kita meningkat. Sebenarnya, kita bukan dilahirkan untuk membuat

satu jenis kerja sahaja. Jika kita sanggup berusaha, kerja-kerja lain juga boleh kita buat dengan cekap.

16. Yang keduanya ialah para pekerja harus mengelakkan diri daripada memberi gambaran bahawa sebagai pekerja kita mudah memberi masalah kepada majikan. Kita harus mengelakkan diri daripada merenungkan terlalu sangat tentang nasib kita. Lebih-lebih lagi, kita janganlah terpengaruh dengan pendapat bahawa kita teraniaya sehingga kita lupa bahawa tidak berapa lama dahulu kita menganggur dan tidak mempunyai punca pendapatan sama sekali. Jika kita terlalu merenungkan nasib kita sahaja, kita tidak mungkin berasa puas hati dengan apa juga nasib kita. Dengan itu, kerja kita tidak akan sempurna. Sebenarnya, kita bernasib baik kerana kita mempunyai pekerjaan, berbanding dengan mereka yang masih menganggur.

17. Terlalu mementingkan nasib kita sahaja akan memberi gambaran yang buruk tentang sikap pekerja Malaysia. Pelabur-pelabur akan enggan melabur. Ingatlah, di waktu kita menganggur dahulu kita berdoa supaya kita dapat bekerja walaupun dengan gaji yang kecil. Janganlah setelah kita bekerja, kita lupa akan masa kita menganggur dahulu dan tidak mengambil peduli sama ada perbuatan kita sekarang akan menghapuskan peluang-peluang kerja bagi mereka yang masih menganggur.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Sementara kita meriah dan gembira pada Hari Raya ini, eloklah juga kita renungkan akan kedudukan kita. 31 tahun dahulu negara kita telah mencapai kemerdekaan, telah berjaya membebaskan rakyat negara ini daripada belenggu penjajahan. Semua rakyat Malaysia berasa bertuah kerana kemerdekaan. Tetapi perasaan bertuah ini lebih dirasai oleh kita umat Islam, khususnya orang-orang Melayu, kerana kitalah yang lebih dihina dan dikebelakangkan di zaman penjajah dahulu. Dengan kemerdekaan, kita berasa kita akan dapat memelihara dan menentukan nasib kita sendiri. Sudah tentu kita tidak akan sengaja memburukkan nasib kita sendiri. Sudah tentu kita tidak akan sengaja melemahkan diri kita sehingga kemerdekaan yang memberi kuasa kepada kita menjadi sia-sia sahaja.

19. Tetapi hanya 31 tahun selepas kita membebaskan diri kita, nampaknya kita sudah lupa akan nikmat yang telah dikurniakan oleh Tuhan hasil kesedaran kita. Kini terdapat unsur-unsur perpecahan dan perbalahan di kalangan umat Islam di negara ini. Terdapat perbezaan-perbezaan yang, jika berlarutan, boleh menggugat perpaduan Ummah. Justeru itu, di hari yang mulia ini, kita umat Islam hendaklah berikrar untuk menghapuskan unsur-unsur yang memecahbelahkan ini dan berusaha gigih bagi mengukuhkan lagi perpaduan Ummah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Kestabilan negara kita bergantung tidak sedikit kepada

kesanggupan dan kesetiaan pasukan tentera dan polis. Kerana mereka sanggup menghadapi musuh dan menjaga keamanan, kita dapat merayakan Hari Raya Aidilfitri dengan selamat. Kita semua terhutang budi kepada mereka, terutama mereka yang terpaksa berada di dalam hutan, di lautan dan di perbatasan, di Hari Raya ini. Kita juga terhutang budi kepada anggota-anggota perkhidmatan yang lain yang terpaksa bertugas pada Hari Raya.

21. Kaum wanita kita pula telah membuktikan penghargaan kita semua kepada pasukan keselamatan kita dengan menyiapkan kuih hari raya bagi mereka yang bertugas pada Hari Raya. Tahun ini lebih ramai wanita daripada semua kaum telah bekerja keras membuat kuih-kuih untuk pasukan polis dan tentera. Penyertaan wanita daripada parti-parti politik, badan-badan sukarela, pertubuhan-pertubuhan dan isteri-isteri pegawai-pegawai dalam usaha ini amatlah dihargai oleh Kerajaan dan sudah tentu akan memberangsangkan lagi anggota-anggota pasukan keselamatan kita. Bagi pihak Kerajaan, saya mengucapkan terima kasih kepada wanita-wanita ini dan juga kepada pasukan keselamatan kita di mana juga mereka bertugas.

22. Kepada saudara-saudara kaum Muslimin sekalian, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Kepada saudara-saudari yang bukan beragama Islam, rayakanlah hari kebesaran ini bersama-sama dengan rakan-rakan Islam anda.

23. Akhir kata, saya serta keluarga saya memohon maaf, zahir dan batin, di atas apa juga kesilapan yang mungkin telah kami lakukan. Selamat Hari Raya Aidilfitri.
Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.
Allahu Akbar,
Allahu Akbar,
Allahu Akbar,
Walillahilhamd.